

## **GAMBARAN MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL DALAM *SYAIR PUTERA MAHKOTA***

*SAFWAN RAZALI*  
*Majlis Amanah Rakyat*  
*safwan.razali@mara.gov.my*

*ZUBIR IDRIS*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*zidris@ukm.edu.my*

### **ABSTRAK**

Manuskrip Melayu lama banyak sekali merakamkan tentang gambaran peradaban dan perjalanan hidup masyarakat. Ikatan antara raja dan rakyat, stratifikasi sosial, falsafah kehidupan, kepercayaan, adat-istiadat malah sistem nilai yang didokongi oleh sesuatu masyarakat adalah antara gambaran yang dapat dikesani lewat manuskrip lama ini. *Syair Putera Makhota* adalah salah satu daripada manuskrip yang dimaksudkan. Sehubungan itu, kajian ini memperkatakan tentang gambaran masyarakat Melayu yang diabadikan oleh pengarangnya, seperti yang terdapat dalam manuskrip yang dikaji. Manuskrip *Syair Putera Makhota* yang digunakan dalam kajian ini tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia dalam bentuk manuskrip bernombor MSS 4048. *Syair Putera Makhota* merupakan sebuah manuskrip yang banyak sekali memperlihatkan tentang gambaran masyarakat istana yang mempunyai pelbagai adat istiadat. Selain itu, manuskrip ini juga memaparkan tentang lapisan masyarakat seperti adanya masyarakat kelas atasan dan masyarakat kelas bawahan. Kajian ini dibuat bagi melihat keadaan dan tingkah laku masyarakat yang dapat dilihat melalui *Syair Putera Makhota* ini, terutamanya dalam konteks hubungan istimewa di antara dua golongan yang berbeza iaitu golongan atasan dan golongan bawahan. Pendekatan sosiologi digunakan dalam membincangkan maklumat yang terdapat di dalam manuskrip yang dikaji. Hasil kajian mendapati terdapat pelbagai gambaran masyarakat dalam syair ini seperti keistimewaan-keistimewaan masyarakat kelas atasan, perwatakan masyarakat kelas atasan dan masyarakat bawahan, gambaran masyarakat kelas bawahan itu sendiri selain gambaran masyarakat yang bekerjasama dalam sesuatu komuniti. Adalah diharapkan agar kajian ini dapat dijadikan sebagai satu panduan dalam kehidupan bermasyarakat.

**Kata kunci:** adat istiadat; hubungan istimewa; masyarakat kelas atasan; masyarakat kelas bawahan; tingkah laku

## A DESCRIPTION OF TRADITIONAL MALAY COMMUNITY IN *SYAIR PUTERA MAHKOTA*

### ABSTRACT

Old Malay manuscripts is a record about the civilization and the life-span of the society. The bond between the king and the people, the social stratification, the philosophy of life, beliefs, customs and even the value systems supported by a society are among the images that can be found through the old manuscript. For this study, *Syair Putera Makhota* will be focused. In this regard, this study deals with the picture of the Malay community perpetuated by its author, as found in the manuscripts studied. The manuscript of *Syair Putera Makhota* used in this study is stored in the National Library of Malaysia in the form of manuscript number MSS 4048. *Syair Putera Makhota* is a manuscript which shows a lot about the description of the palace community with various customs. In addition, the manuscript also describes the layers of society such as the upper class society and subordinate society. This study was carried out to look at the situation and the behavior of the community that can be seen through the *Syair Putera Makhota*, especially in the context of the special relationship between the two different classes: the superior and the subordinates. The sociological approach is used to discuss the information contained. The findings have shown that there are various social images in these verses such as the privileges and superiority of the upper class society, whilst at the same time, the manuscript also depicts the picture of the subordinate society itself as well as the picture of the community working together in a community. It is hoped that this study can be used as a guide in the community life.

**Keywords:** customs; upper class society; subordinate society; behavior; special relationship

### PENGENALAN

*Syair Putera Makhota* ialah sebuah syair romantik yang memaparkan hampir 50% isi kandungannya mengisahkan tentang percintaan antara watak putera dan puteri, dan selebihnya menceritakan tentang keluarga golongan kelas atasan yang penuh dengan gambaran masyarakat zaman feudal. Gambaran yang dipaparkan melalui syair ini memperlihatkan dua kelas masyarakat yang mempunyai perbezaan dari pelbagai sudut seperti rutin harian, bahasa, budaya dan adat yang tersendiri. Perbezaan ini menunjukkan bahawa golongan kelas bawahan telah sedia menerima tentang wujudnya satu kelas atasan yang memiliki keistimewaan. Namun keistimewaan yang dimiliki oleh golongan kelas atasan ini hanya akan dapat dizahirkan melalui kerelaan golongan bawahan kerana tanpa golongan bawahan ini, konsep daulat dan tular tidak akan dapat dilaksanakan. *Sulalatus Salatin* ada memerihalkan tentang hubungan dua kelas masyarakat ini (A. Samad Ahmad 1997:25).

Kesetiaan masyarakat Melayu terhadap institusi raja ini memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu golongan bawahan memerlukan institusi yang akan membantu mereka terutama dalam hal tertentu seperti pentadbiran, ekonomi dan sosial. Menurut Misran Rokimin dan Zubir Idris (2012:45), raja/sultan dikatakan mempunyai

keistimewaan, kuasa, dan menjadi sumber kekuatan dalam menentukan arah tuju kehidupan masyarakat. Hal ini adalah kerana kepercayaan masyarakat Melayu yang berteraskan bahawa pemimpin mempunyai daulat dan tulah yang menuntut mereka meletakkan taat setia yang tidak berbelah bahagi. Hal ini seterusnya menjelaskan dan memberi jaminan betapa rakyat jelata akan sentiasa bersedia bersama-sama dengan pemimpin demi mempertahankan institusi pemerintahan yang mereka dukungi. Sehubungan dengan itu, dapatlah dijelaskan bahawa keadaan ini secara tidak langsung memberikan satu keistimewaan terhadap golongan kelas atasan iaitu raja yang dikatakan mempunyai kuasa atau daulat dalam memerintah dan mentadbir kerajaan yang ada. Rentetan daripada hal inilah yang membawa kepada pengkajian terhadap kesan pengaruh pentadbiran dalam masyarakat Melayu tradisional seperti adat istiadat, kelas masyarakat dan agama yang terus diterima dalam masyarakat Melayu sehingga kini.

### **KONSEP KAJIAN (KONSEP MASYARAKAT)**

Menurut Rahimah Abdul Aziz (2001), masyarakat ialah satu kumpulan manusia yang berinteraksi dalam kawasan atau sempadan yang telah ditetapkan dan dibimbing oleh satu budaya yang dikongsi bersama. Masyarakat dalam konteks ini dapat dilihat sebagai sekumpulan manusia yang menggunakan bahasa yang sama untuk berkomunikasi serta diikat oleh satu budaya atau cara hidup yang diterima sebagai aturan hidup mereka. Masyarakat yang hidup di dalam satu kelompok akan menerima setiap peraturan yang telah sedia ada dalam budaya mereka sama ada secara rela ataupun terpaksa. Hal ini dapat dilihat dalam konteks masyarakat yang mempunyai kelas yang berbeza walaupun bukan atas kehendak diri mereka. Namun, kerana peraturan atau budaya masyarakat yang telah dipegang sejak berzaman menyebabkan manusia terus menerima cara hidup yang ada. Kesan daripada budaya yang ada tersebut melahirkan masyarakat yang hidup dalam peraturan yang tidak dapat disanggah kerana telah diterima sebagai satu cara bermasyarakat pada ketika itu.

Setiap individu di dunia memerlukan antara satu sama lain bagi meneruskan kelangsungan hidup dan tidak akan dapat hidup bersendirian kerana fitrah manusia yang hidup dalam kelompok dan saling memerlukan (Mustafa Haji Daud, 1993). Hal ini jelas dapat dilihat dalam budaya masyarakat Melayu tradisional yang akan dibincangkan dalam tulisan ini sebagai sekelompok manusia yang hidup dalam aturan yang saling memerlukan kerana tanpa budaya tersebut aturan yang telah sedia ada tidak akan dapat diketengahkan dalam masyarakat pada ketika itu. Sebagai contoh, masyarakat Melayu yang mempunyai dua kelas utama dalam kehidupan seharian iaitu golongan kelas atasan yang mewakili raja dan kerabatnya, pembesar dan golongan bangsawan manakala golongan kelas bawahan yang mewakili golongan rakyat dan hamba. Tanpa kesediaan golongan bawahan memberikan mandat kepada golongan atasan sebagai kelompok dalam masyarakat yang perlu dihormati, golongan atasan tidak akan dapat meneruskan budaya hidup mereka yang terikat dengan adat istiadat yang tinggi nilainya. Hal ini juga berlaku sebaliknya, iaitu golongan atasan yang memberikan perlindungan kepada golongan bawahan sekiranya berlaku sebarang bencana dan persengketaan. Perkara ini memperlihatkan wujudnya masyarakat yang saling memerlukan dalam pelbagai konteks seperti interaksi, sosial, ekonomi dan politik.

## METODOLOGI KAJIAN

Tulisan ini didasarkan kepada analisis teks. Penelitian dibuat berdasarkan pendekatan sosiologi dalam mengetengahkan maklumat dan gambaran sesuatu komuniti seperti cara hidup masyarakat yang berperaturan, kewujudan kelas masyarakat (dibezakan melalui pergaulan masyarakat, sistem adat istiadat istana, bahasa, pakaian, cara hidup dan sebagainya) seperti yang terdapat dalam naskhah.

Usaha untuk mengesani unsur sosiologi dilihat atau dikesan melalui aspek bahasa, yang menjadi wahana kepada pengarang silam bagi menzahirkan segala maklumat dan gambaran masyarakat seperti yang terakam dalam syair yang dikaji. Justeru, tulisan ini turut merungkai gambaran masyarakat menerusi analisis aspek bahasa (berdasarkan penggunaan metafora, perlambangan, retorik serta pemilihan diksi), yang dijangka dapat menggambarkan pemerihalalan yang berkaitan dengan gambaran masyarakat.

## ANALISIS KAJIAN

Gambaran yang diajukan oleh pengarang sesebuah karya sesungguhnya merupakan satu wahana bagi memastikan khalayak pembaca/pendengar memahami peranan dan fungsi setiap individu atau kelas dalam masyarakat yang ada. Masyarakat merupakan kelompok manusia yang akan memberikan ruang kepada manusia lain untuk memberikan perhatian dan penilaian terhadap diri mereka. Penilaian tersebut dibuat sama ada untuk mengetahui cara hidup sesebuah masyarakat, cara pergaulan, budaya yang diamalkan, cara berkomunikasi dan sebagainya. Perkara-perkara ini akan dilihat sebagai percaturan hidup sesebuah masyarakat yang seterusnya akan dinilai oleh kelompok masyarakat lain sama ada masyarakat yang hidup pada zaman yang sama atau masyarakat yang akan menilai mereka melalui peninggalan maklumat sejarah seperti yang dapat dilihat dalam manuskrip dan karya-karya lama. Berhubung hal ini, Mohd Taib Osman (1987) misalnya mengatakan masyarakat Melayu tradisional dilihat sebagai masyarakat yang kreatif, mempunyai adab yang tinggi serta mempunyai cara tersendiri dalam memberikan penilaian, teguran dan nasihat kepada individu lain. Hal ini dapat dilihat melalui kesantunan masyarakat Melayu tradisional dalam menggunakan puisi seperti pantun, syair, gurindam, seloka, teromba dan talibun sebagai cara komunikasi masyarakat Melayu. Zuraidah Abdullah dan rakan-rakan (2012:156) pula dalam hal ini mengatakan persekitaran masyarakat Melayu tradisi ketika itu telah menggunakan pantun dan ungkapan Melayu bukan sahaja sebagai wahana pendidikan dalam membentuk acuan modal insan ke arah pembentukan budaya tinggi, malah telah menunjukkan genius orang Melayu menyampaikan pandangan dan akal-budinya.

Dalam nada yang sopan menghiburkan tetapi sinis menyampaikan idea dan pandangan, masyarakat Melayu tradisional juga menjadikan sastera sebagai alat hiburan yang mampu menarik perhatian masyarakat sekeliling untuk mendengar seterusnya menghayati sastera yang ada seperti syair Melayu. Hal ini dapat dilihat melalui syair yang dikaji iaitu *Syair Putera Mahkota* yang memaparkan kehidupan masyarakat Melayu tradisional yang mengamalkan kehidupan yang berbeza dari segi budaya terutama dalam masyarakat kelas atasan dan bawahan. Perbezaan ini menuntut kedua-dua kelas masyarakat yang sedia ada menerima dan memberi tanpa mempersoalkan kelebihan dan kekurangan yang dimiliki oleh pihak tertentu.

### Keistimewaan Masyarakat Kelas Atasan

Masyarakat kelas atasan dalam masyarakat Melayu tradisional dapat dilihat di dalam strata sosial masyarakat Melayu, yang meletakkan kedudukan raja sebagai individu yang menduduki hierarki tertinggi. Golongan atasan ini seterusnya didukung oleh golongan kerabat raja sendiri seperti golongan pembesar dan juga golongan bangsawan. Pembahagian kelas ini tidak wujud tanpa persetujuan kedua-dua pihak terutama golongan bawahan yang memberikan taat setia kepada pemerintah. Perkara ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa golongan kelas atasan tidak akan mengabaikan tanggungjawab mereka memberikan khidmat bakti dan keprihatinan mereka terhadap kelas bawahan kerana bimbang sekiranya golongan kelas bawahan tertindas, maka kedudukan mereka sebagai golongan atasan akan terjejas.

Bagi memastikan kedudukan golongan kelas atasan terus dihormati oleh golongan kelas bawahan, terdapat beberapa keistimewaan yang hanya terpakai untuk golongan atasan tersebut. Keistimewaan ini tidak dapat dipertikaikan oleh golongan kelas bawahan dan menjadi satu kesalahan sekiranya golongan kelas bawahan meniru atau mempertikaikan keistimewaan yang dimiliki oleh golongan kelas atasan ini. Antara keistimewaan yang dimiliki oleh golongan kelas atasan ialah pemilikan harta benda. Perkara ini dapat dilihat melalui pemilikan harta golongan kelas atasan yang banyak dan mewah menyebabkan golongan ini terus dihormati dan disegani oleh golongan kelas bawahan. Pemilikan harta yang ada pada golongan ini memperlihatkan bahawa golongan ini merupakan golongan yang mampu memiliki harta benda dan kemampuan ini pasti tidak ada pada golongan kelas bawahan.

Dalam *Syair Putera Mahkota*, kemewahan golongan atasan ini diperlihatkan dari segi pemilikan harta benda yang banyak seperti perhiasan kaum kerabat mereka, yang tidak akan mampu dimiliki oleh masyarakat kelas bawahan. Hal ini dapat dilihat dalam rangkap-rangkap syair berikut:

Bergelang kaki berpelaka,  
Bertali leher berbuah emas tiga,  
Berbaju sulang warna cempaka,  
Berkancing intan yang mahal harga. (r.25)

Berarungannya bayang sari,  
Bajunya menuras tiada terperi,  
Gemerlapan rupa cincin di jari,  
Bersambutnya dengan bunga di kiri.(r.28)

Berdasarkan rangkap-rangkap syair tersebut, keistimewaan golongan atasan diperlihatkan melalui segala perhiasan yang mewah dan sukar untuk diperoleh pada ketika itu. Gelang kaki berpelaka, kancing baju yang diperbuat daripada intan, cincin yang bergemerlapan serta pakaian yang indah-indah buatannya dapat dilihat sebagai persalinan khas masyarakat kelas atasan yang tidak ada pada masyarakat kelas bawahan. Baris-baris puisi tersebut nyata memberikan maklumat dan gambaran yang jelas tentang golongan atasan pada masa itu yang mewah dengan pemilikan harta yang banyak.

Keistimewaan tersebut menyebabkan golongan bawahan ini berasa takjub terhadap kemewahan yang dimiliki oleh golongan kelas atasan kerana mereka tidak memiliki keistimewaan tersebut. Hal ini diperlihatkan melalui rangkap syair di bawah:

Tujuh tingkat bergelang kota,  
Berbentuk tak kesuma rana,  
Bercincin intan berbagai warna,  
Sekaliannya orang memandang lena. (r.11)

Rangkap syair tersebut memperlihatkan gambaran tentang banyaknya perhiasan yang dimiliki “Tujuh tingkat bergelang kota”, “Bercincin intan berbagai warna” sehingga menyebabkan sesiapa yang melihat akan perhiasan tersebut akan terpegun memandang perhiasan yang ada. Perkara ini berbeza dengan golongan kelas bawahan pada ketika itu yang hanya memiliki harta benda setelah menerima anugerah dan hadiah daripada raja sahaja. Frasa “Sekaliannya orang memandang lena” menjelaskan tentang perihal masyarakat bawahan yang sama sekali tidak berpeluang untuk memiliki perhiasan mewah seperti yang dimiliki oleh golongan atasan menyebabkan mereka terpesona dan terkesima lantaran melihat alat perhiasan yang tidak mungkin mereka miliki.

Keistimewaan golongan kelas atasan turut diperlihatkan melalui penggunaan bahasa yang khusus, yang dikenali sebagai ‘bahasa dalam’. Masyarakat kelas atasan memiliki bahasa tertentu yang digunakan pada setiap masa. Antara bahasa istana yang digunakan berbeza dengan masyarakat kelas bawahan ialah seperti “kurnia”, “anugerah”, “baginda”, “beradu”, “berangkat”, “bercemar duli”, “berkenan”, “bersiram”, “bertitah”, “beta”, “daulat”, “gering”, “makam”, “mangkat”, “murka”, “patik”, “peraduan”, “santap”, “semayam”, “sembah”, “singgahsana” dan “titah”. Penggunaan bahasa ini memberikan maksud yang sama tetapi dibezakan untuk memberikan gambaran status penggunaannya seperti perkataan ‘bersiram’ digunakan oleh golongan istana yang memberikan maksud mandi bagi masyarakat biasa, ‘murka’ yang digunakan oleh golongan istana yang memberikan maksud marah, ‘gering’ yang digunakan oleh golongan istana yang memberikan maksud sakit dan ‘beradu’ yang digunakan oleh golongan istana yang memberikan maksud tidur bagi masyarakat biasa. Secara tidak langsung, hal ini menjelaskan betapa golongan atasan ini memiliki kekebalan dari beberapa aspek seperti undang-undang dan peraturan. Pertuturan istimewa yang diperuntukkan khas buat kelas atasan (raja dan kerabat) dapat dilihat melalui petikan *Syair Putera Mahkota* seperti yang berikut:

Lalulah datang bini menteri,  
Kehadapannya puteri menyusun jari,  
Berdatang sembah di raja berseri,  
Santaplah tuanku muda bestari. (r.33)

Setelah putera mendengarkan kata,  
Tunduk tersenyum putera yang pokta,  
Kepada isteri mengerling mata,  
Sangatlah berkenan kepada cinta.(r.34)

Putera pun segera berbasuh jari,  
Lalulah santap muda bestari,  
Bersuap-suap pun laki isteri,  
Melayankan oleh bini menteri. (r. 35)

Sudahlah santap putera bangsawan,  
Santapnya sirih di dalam puan,  
Laki isteri berpimpin tuan,  
Berjalan masuk ke dalam peraduan. (r.36)

Rangkap-rangkap syair tersebut memperlihatkan beberapa penggunaan bahasa istana. Petikan syair menceritakan tentang watak putera dan puteri yang sedang makan dan dilayan oleh isteri kepada menteri di istana. Perkataan “santap” (‘makan’ dalam bahasa biasa) digunakan dalam penceritaan bagi memberikan satu situasi yang berbeza antara masyarakat kelas atasan dengan masyarakat biasa. Begitu juga dengan penggunaan perkataan “peraduan” yang tidak boleh digunakan oleh masyarakat biasa lantaran larangan yang telah ditetapkan.

Menurut Haron Daud (1989), terdapat larangan menggunakan bahasa istana kerana larangan ini merupakan keistimewaan dalam keluarga diraja sahaja termasuklah penggunaan warna kuning, payung kuning dan putih, bentuk rumah dan sebagainya. Menurut Asmah Omar (1987) pula, undang-undang Melayu tradisional melarang rakyat biasa bertutur menggunakan bahasa istana kerana bahasa istana merupakan hak eksklusif golongan kelas atasan. Bahasa istana ini melambangkan keistimewaan kedudukan raja-raja Melayu yang masih menjadi keutamaan dalam masyarakat Melayu walaupun secara tidak langsung mewujudkan dua jurang komunikasi yang melibatkan perbezaan kelas sosial.

Keistimewaan adat istiadat Melayu ini dapat dilihat sebagai satu warisan budaya masyarakat Melayu yang ada. Ketinggian adat istiadat telah mengangkat kedudukan golongan istana seperti raja dan kerabatnya di satu tempat yang lebih tinggi dalam masyarakat untuk dihormati dan disanjung. Hal ini bersesuaian dengan konsep sosiologi yang dibincangkan oleh Ungku Maimunah Mohd Tahir (2006: 3-16) melalui gambaran sebenar kehidupan sosial masyarakat yang diperincikan oleh pengarang di dalam karya. Perincian ini memberikan gambaran jelas tentang adat istiadat Melayu yang ada dan sehingga ke hari ini masih digunakan dalam masyarakat Melayu terutama di istana untuk memastikan kedaulatan institusi di raja terus terpelihara seperti melalui sistem bahasanya, adat istiadat dan peraturan yang ada.

### **Golongan Kelas Bawahan Mengangkat Adat Istiadat Istana**

Istana merupakan sebuah institusi yang dibina sebagai lambang kekuatan dan keutuhan sesebuah kerajaan yang ada. Kemasyhuran sesebuah kerajaan dapat dilihat melalui istana yang dibina kerana istana merupakan tempat yang menjadi pertemuan para pembesar dari dalam atau luar kerajaan pada ketika itu. Istana dibina sebagai tempat kediaman rasmi raja. Dari zaman tradisional sehingga kini, istana masih lagi menyimpan pelbagai warisan Melayu yang menjadi lambang ketamadunan Melayu. Di dalam istana, pelbagai adat dan istiadat yang perlu dipatuhi oleh semua pihak sama ada mereka yang tinggal di dalam istana mahupun yang berada di luar istana. Adat dan istiadat ini merupakan syarat dua hala yang memerlukan kedua-dua pihak iaitu golongan atasan dan bawahan saling memberi pengiktirafan antara satu sama lain. Pelbagai aspek khusus dan istimewa telah dikenakan dalam istana yang merupakan lambang peradaban sesuatu tamadun.

Dalam konteks masyarakat Melayu, sifat khusus istana dapat dilihat daripada penggunaan bahasa, larangan menggunakan warna kuning dalam kalangan rakyat jelata, aspek susun atur dalam istana yang memperlihatkan kekananan dan status, adat

aspek istiadat dan protokol tertentu seperti menjunjung kasih dan titah yang menjadi tanda ketaatan rakyat kepada raja, aspek kebesaran raja melalui acara yang diadakan bagi meraikan sesuatu peristiwa dan sebagainya, yang sudah pasti tidak terdapat pada golongan bawahan.

*Syair Putera Mahkota* memaparkan tentang kewujudan adat istiadat ini terserlah melalui beberapa peristiwa yang melibatkan masyarakat yang diceritakan oleh pengarang dalam karya ini. Masyarakat kelas bawahan mengangkat adat dan istiadat yang ada ini melalui beberapa susunan peraturan yang telah ditetapkan. Hal ini dapat dilihat melalui beberapa rangkap syair di bawah ini:

Balai dibuka dilihat terkesan,  
Di singgahsana tanah baiduri,  
Berbunyilah gendang serunai nafiri,  
Demikianlah adat raja yang bahari. (r.7)

Setelah lengkap alat terkena,  
Cerita dipalu gemuruh bahana,  
Beraraklah konon muda teruna,  
Berserta dengan zikir rebana.(r.17)

Rangkap-rangkap syair di atas mengisahkan peristiwa dan suasana kegembiraan selepas kelahiran Putera Mahkota, dan ia disambut oleh seluruh warga istana. Rangkaian syair tersebut memperlihatkan tentang salah satu keistimewaan yang dimiliki oleh golongan istana semasa menyambut atau menganjurkan sesuatu keramaian seperti keputeraan, pertabalan, perkahwinan, keputeraan, keberangkatan dan kemangkatan. Alatan muzik yang digunakan semasa berlangsung sesuatu upacara tersebut juga merupakan salah satu daripada alat kebesaran khas yang dimiliki oleh golongan raja. Kegembiraan seluruh warga istana ekoran kelahiran Putera Mahkota telah menyebabkan Sultan mengarahkan balai istana dibuka dan diraikan dengan bunyi-bunyian seperti gendang, serunai dan nafiri. Berhubung hal ini, Solehah Ishak (2010) menyatakan bahawa perkara ini merupakan satu proses istiadat institusi raja yang mempunyai satu sistem protokol yang tinggi dalam mengalu-alukan atau dengan kata lain meraikan sesuatu keramaian yang ada dalam kerajaan pada ketika itu.

Gambaran tentang sambutan atau sistem protokol ini memberikan satu cerminan masyarakat Melayu yang mempunyai sistem pentadbiran yang tersusun dan teratur dalam segala aspek. Dapat difahami bagaimana urusan protokol ini dimainkan sepenuhnya oleh golongan istana, yang secara tidak langsung telah mengangkat sistem dan aturan yang terdapat di dalam istana untuk diteruskan sebagai tanda ketinggian masyarakat kelas atasan. Golongan bawahan turut terlibat dalam protokol, sistem dan aturan yang ada dengan peranan yang saling melengkapi seperti menjadi pemain dan penjaga peralatan-peralatan istana, bertugas sebagai hulubalang, dayang dan inang istana. Sesungguhnya, kegemilangan sesebuah kerajaan Melayu tradisional dapat dilihat melalui kebesaran adat istiadat, protokol dan peraturan di istana yang dijaga bersama oleh segenap lapisan masyarakat.

Seperti yang telah dinyatakan, golongan bawahan juga merupakan golongan yang penting dalam mengangkat adat istiadat istana ini. Mereka memainkan peranan dalam memastikan kelangsungan adat istiadat istana ini terus dilaksanakan. Sistem ini juga memperlihatkan bahawa kedua-dua kelompok masyarakat yang berbeza strata



sosial ini saling memerlukan. Hubungan istimewa di antara dan rakyat ini dapat dilihat melalui rangkapan syair di bawah:

Adapun akan sultan bestari,  
Lalu berangkat ke balai rong seri  
Berjamu sekalian hulubalang menteri,  
Serta rakyat setia negeri.(r.34)

Orang berjamu tolong menolong,  
Rakyat bentara menteri hulubalang  
Ramainya bukan alang kepalang,  
Sudahlah makan bermohon pulang.(r.35)

Kedua-dua rangkap syair di atas memperlihatkan suasana dan keadaan di dalam negara ketika sedang upacara perkahwinan Putera Mahkota dan Puteri Mengaran dilangsungkan. Seluruh rakyat jelata termasuk para pembesar negara bersama-sama hadir meraikan majlis tersebut. Hubungan akrab di antara dua kelompok masyarakat yang berbeza taraf iaitu golongan atasan dan bawahan memperlihatkan betapa golongan bawahan (rakyat jelata) tidak dilupakan oleh golongan atasan dalam meraikan kegembiraan yang disambut oleh golongan atasan.

Hierarki sosial yang ada pada masyarakat Melayu dalam rangkap-rangkap syair di atas memperlihatkan tentang susunan dan sistem yang digunakan secara teratur oleh masyarakat Melayu tradisional. Susunan ini menunjukkan bahawa masyarakat dibahagikan kepada beberapa kelas yang mempunyai fungsi dan peranan tersendiri. Menurut Ungku Maimunah (2006: 3-16), setiap individu dalam masyarakat mempunyai peranan yang akan memberikan kesan kepada diri dan masyarakat yang ada. Contohnya pada diri seorang raja, peranan yang dimainkan ialah sebagai seorang pemimpin dan sebagai seorang yang dihormati. Dalam konteks ini, peranan raja ini dalam masyarakat akan menjadi gambaran kepada masyarakat. Gambaran seperti ini merupakan satu cara bagi memastikan masyarakat memahami peranan dan fungsi setiap individu atau kelas dalam masyarakat yang ada.

### **Gambaran Perwatakan Golongan Atasan dan Bawahan**

Masyarakat Melayu tradisional mempunyai pandangan tersendiri tentang peribadi dan personaliti dalam kehidupan mereka. Hal ini dapat dikesan menerusi karya-karya sastera Melayu, bilamana perwatakan watak-watak dilukiskan berdasarkan kelas masyarakat; sama ada rupa paras, warna kulit, sikap dan perlakuan dan sebagainya. Pada kebiasaannya, golongan atasan selalunya digambarkan mempunyai kelebihan-kelebihan tertentu manakala golongan bawahan atau mereka yang dianggap sebagai golongan yang menentang akan diberikan perwatakan yang berbeza. Perwatakan ini dapat dilihat di dalam pemberian watak-watak hitam/protagonis (masyarakat bawahan/penentang) dan putih/antagonis (golongan istana) yang masing-masing mempunyai peranan dalam sesebuah karya. Namun perwatakan ini memberikan pengaruh tersendiri kepada masyarakat terutama pendukungnya yang akan mengadaptasi peranan watak berdasarkan gambaran yang diberikan.

Dalam *Syair Putera Mahkota*, lakaran pengarang mengenai kekurangan yang dimiliki oleh masyarakat kelas bawahan ini dapat dilihat melalui watak anak Selamat yang

dilahirkan serba kekurangan oleh pengarang. Gambaran mengenai watak ini digambarkan pengarang dalam rangkap-rangkap syair berikut:

Tiada berapa leta antara,  
Cerdiklah raja empunya putera,  
Sedang putus kepada ceritera,  
Baginda pun kasih tidak terkira. (r.178)

Mungkin cerdik tiada berolah,  
Rupanya Selamat juga bertambah,  
Habis menurut Selamat badan,  
Jika dinding selain patungkat. (r.179)

Ramainya orang yang berkata-kata,  
Apakah sebab putera mahkota,  
Sikap seperti orang yang laknat,  
Sedikit tidak manis di mata. (r.180)

Sedikit tidak ada baginda,  
Menghampiri sedikit tidaklah ada,  
Seperti bumi langit yang ada,  
Keduanya itu sangat berbeda. (r.181)

Seorang pula menjawab sudah,  
Pemandangan beta sedikit tak indah,  
Bagainya rupa sangkakan tak sudah,  
Mengikut Selamat orang yang mazirah. (r.182)

Sedanglah pakaian mengerlapan,  
Itu pun tiada juganya tampan,

Habis rupa Selamat tanggapan,  
Hidungnya rata seperti papan. (r.183)

Berdasarkan rangkap-rangkap syair tersebut, diperlihatkan gambaran perwatakan fizikal golongan kelas bawahan. Watak kepada anak Selamat yang telah ditukarkan menjadi anak kepada Puteri Mengaran telah dapat dikesan pada ketika itu kerana terdapat perbezaan yang ketara terhadap anak raja tersebut. Masyarakat menggambarkan anak orang kebanyakan mempunyai kelemahan dari segi fizikal seperti paras rupa. Dalam rangkap-rangkap syair di atas, watak anak Selamat digambarkan mempunyai perwatakan fizikal dan sikap yang sama dengan watak Selamat, iaitu memiliki wajah yang tidak manis. Keadaan watak anak Selamat digambarkan berbeza dengan watak Putera Mahkota. Watak anak Selamat dikatakan berhidung rata dan tidak tampan walaupun dipakaikan dengan persalinan dari istana. Gambaran seperti ini memperlihatkan bahawa masyarakat mempunyai persepsi tersendiri sehingga boleh membezakan watak masyarakat kelas bawahan walaupun pada masa yang sama terdapat cubaan dalam masyarakat untuk menukar identiti watak yang ada. Sebagai perbandingan, contohnya dapat dilihat melalui watak Hang Tuah yang digambarkan dengan kelas tersendiri; mempunyai kelebihan setanding dengan

watak golongan kelas atasan walaupun lahir dalam keluarga kelas bawahan (Kassim Ahmad (pnyt.), 1975:24).

Sungguhpun begitu, walaupun golongan bawahan sering kali digambarkan dengan serba kekurangan, namun mereka tetap merupakan individu yang kaya dengan sifat-sifat positif. Hal ini dapat dilihat melalui ketelusan dan integriti pengarang karya Melayu yang mengangkat kelebihan golongan kelas bawahan. Dalam karya *Syair Putera Mahkota* ini, masyarakat kelas bawahan seperti watak Selamat digambarkan mempunyai sifat dan sikap yang positif seperti rajin dan dipercayai. Perwatakan ini dapat dilihat melalui petikan syair berikut:

Menengarkan kata Puteri Mengandra,  
Selamat pun suka tiada terkira,  
Tiadalah lagi berura-ura,  
Manik dicucuk dengan segera. (r.101)

Selamat mencucuk puteri menyambut,  
Semalam-malaman bersambut sambut,  
Manik dicucuk berebut-rebut,  
Selamat pun pertitah tangan berkabut. (r.102)

Demikianlah laku Puteri Mengarani,  
Manik dicucuk berganti-ganti,  
Selamat pun gila rasanya hati,  
Sehingga siang baharulah berhenti.(r.103)

Rangkap-rangkap syair tersebut memperlihatkan tentang perwatakan Selamat yang merupakan hamba dalam syair ini. Walaupun Selamat hanya merupakan seorang hamba, namun pengarang menggambarkan keperibadian watak Selamat sebagai seorang yang mempunyai tahap kesetiaan yang tinggi. Hal ini dapat dilihat melalui rangkap-rangkap syair tersebut yang memperlihatkan watak Selamat melaksanakan perintah Puteri Mengaran walaupun terpaksa berjaga daripada tidur. Peristiwa ini digambarkan oleh pengarang apabila Puteri Mengaran mengarahkan Selamat supaya tidak tidur dan membantunya untuk mencucuk manik. Tindakan Puteri Mengaran itu hanya sebagai satu helah supaya dirinya sentiasa dalam keadaan berjaga-jaga. Watak Selamat melaksanakan perintah tersebut dan sehingga siang hari. Dalam hal ini, dapat dilihat dengan jelas melalui gambaran pengarang mengenai perwatakan golongan kelas bawahan yang merupakan pembantu kepada golongan atasan. Walaupun peranan golongan kelas bawahan hanyalah pelengkap kepada kehidupan golongan kelas atasan, namun kesetiaan dan kepatuhan terhadap golongan kelas atasan tidak pernah dipertikaikan. Buktinya, melalui peristiwa ini masyarakat Melayu dilihat amat menghormati ketinggian taraf golongan atasan.

Gambaran yang berbeza pula dikenakan terhadap golongan kelas atasan, bilamana mereka diberikan perwatakan yang lebih baik dan menarik, misalnya mempunyai kuasa sakti dan keajaiban. Begitu juga dengan gambaran fizikal dan aspek dalaman watak. Dalam *Syair Putera Mahkota*, watak golongan atasan ini digambarkan mempunyai keistimewaan yang luar biasa, yang dimiliki oleh golongan atasan seperti putera dan puteri raja, yang tidak mungkin pula dimiliki oleh individu biasa. keistimewaan tersebut diperlihatkan pengarang dalam rangkap-rangkap syair berikut:

Sampailah sudah bulannya puteri,  
Sembilan bulan sepuluh hari,  
Lalu bersalin seorang diri,  
Seorang laki-laki manis berseri. (r.155)

Parasnya habis sungguh baginda,  
Sedikit tidak lagi berbeda,  
Seperti dibelah pinang muda,  
Barang sedikit cela tiada.(r.164)

Daripada sehari kepada sehari,  
Dipelihara oleh tuan puteri,  
Cerdiknya sudah putera sendiri,  
Pandai berjalan ke sana ke mari. (r.164)

Wajah laksana bulan tersuluh,  
Lakunya tidak berbanyak olah,  
Dengan baginda sedikit tak salah,  
Seperti pinang muda dibelah. (r.165)

Comel cantik bukan kepalang,  
Laksana patung wajah gemilang,  
Tiada memakai dukun dan galang,  
Di dalam demikian manis terbilang.(r.166)

Banyaklah duduk orang berperi,  
Khabarnya segala lakukan diri,  
Budak nan serupa paras bestari,  
Sampai kepada tangan dan jari.(r. 167)

Parasnya seperti anak raja-raja,  
Menurut baginda muda yang manja,

Serupa segala patungan diraja,  
Dua serupa baginda puja. (r.168)

Sungguhpun Selamat katanya nyata,  
Sangatlah bersalahan kepada rupa,  
Budak nan putih kerlingnya safa,  
Seperti emas sudah ditempa. (r.169)

Rangkap-rangkap syair tersebut menggambarkan perihal watak kepada anak Putera Mahkota dan Puteri Mengaran yang disangka anak kepada watak Selamat. Jelas pengarang mengangkat kehebatan watak golongan atasan, diajukan dengan sebaik-baik gambaran, dipenuhi dengan puji-pujian sama ada terhadap sifat mahupun fizikal watak yang dinyatakan. Putera yang dilahirkan mempunyai wajah yang manis berseri (sama rupa parasnya dengan ayahnya, Putera Mahkota), tiada cela walaupun sedikit, seperti pinang muda yang dibelah, cerdas dan pandai, tidak nakal dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan masyarakat yang ada pada ketika itu sendiri menolak bahawa anak yang

dilahirkan oleh Puteri Mengaran ini merupakan anak kepada watak Selamat sebaliknya mereka yakin bahawa anak yang dilahirkan oleh Puteri Mengaran ini merupakan anak kepada Putera Mahkota berdasarkan kepada perilaku dan gambaran sifat yang diberikan. Gambaran ini jelas menunjukkan bahawa kelahiran golongan kelas atasan ini dapat dikenal pasti oleh masyarakat dengan keadaan dan tanda-tanda kelahiran yang ada pada watak tersebut.

Kelebihan yang dimiliki oleh golongan atasan ini dilukiskan oleh pengarang melalui karya-karya mereka untuk meninggikan darjat dan taraf seorang keturunan golongan atasan, yang seterusnya mendapat penghormatan dan sanjungan lantaran keistimewaan yang mereka miliki. Dua gambaran berbeza diciptakan pengarang untuk memastikan golongan kelas atasan terus dihormati dan disanjung, dan diletakkan pada tempat yang sepatutnya. Hal ini tidak dapat dielakkan lantaran konsep dan cara hidup masyarakat Melayu yang meletakkan pemimpin mereka di tempat yang teratas, seperti yang telah dijelaskan sebelumnya. Hal ini bersesuaianlah dengan konsep sosiologi sastera yang menjelaskan bagaimana falsafah dan pemikiran sesuatu masyarakat akan memberi kesan terhadap cara hidup dan tindak laku sesuatu komuniti masyarakat.

### **Gambaran Masyarakat yang Bekerjasama**

Bekerjasama merupakan nilai Islam yang ditekankan dalam membangunkan masyarakat sejahtera. Dengan penerapan nilai bekerjasama ini, masyarakat akan menjadi lebih bersefahaman bagi melakukan sebarang aktiviti serta boleh menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran dalam kehidupan seharian. Seperti kata pepatah :berat sama dipikul, ringan sama dijinjing” yang pastinya menuntut supaya masyarakat berusaha untuk bekerjasama (Mohd Shukrey Ahmad dan Kamariah Kamarudin (2018:49). Dalam kehidupan masyarakat dalam sesebuah negara, nilai kerjasama ini berlaku tanpa mengira lapisan. Hal ini termasuklah dalam konteks antara raja dan rakyat. Ungkapan “raja dan rakyat berpisah tiada” sering diungkapkan dalam masyarakat pada hari ini. Raja merupakan pemimpin kepada rakyat dan rakyat memerlukan raja atau pemimpin untuk dilindungi. Keadaan ini akan berterusan selagi kedua-dua pihak menerima dan memainkan peranan masing-masing, dan mustahil dapat dicapai sekiranya terdapat salah satu pihak menafikan peranan antara satu yang lain.

Dalam *Syair Putera Mahkota* digambarkan istana menjadi pusat yang menghimpunkan semua golongan tanpa mengira pangkat, kedudukan dan sebagainya, terutama apabila diadakan sesebuah keramaian. Hal ini dapat dilihat dalam rangkap-rangkap syair berikut:

Adapun akan sultan bestari,  
Lalu berangkat ke balai rong seri  
Berjamu sekalian hulubalang menteri,  
Serta rakyat setia negeri. (r. 33)

Orang berjamu tolong-menolong,  
Rakyat bentara menteri hulubalang  
Ramainya bukan alang kepalang,  
Sudahlah makan bermohon pulang. (r. 34)

Lalu bertitah sultan terbilang,

Menyuruhkan orang masuk berulang,  
Rakyat tentera menteri hulubalang,  
Makan dan minum sulang-menyulang.(r. 176)

Selain memperlihatkan tentang keadaan di istana semasa keramaian sedang dijalankan, rangkap-rangkap syair tersebut memperlihatkan tentang masyarakat yang saling bekerjasama dalam menjayakan sesuatu perkara. Raja akan memanggil semua rakyat jelatanya apabila iakan sesuatu keramaian seperti hari perkahwinan dan hari keputeraan. Semua yang hadir akan saling membantu dan bekerjasama tanpa mengira pembesar, rakyat dan hamba. Situasi ini memberikan gambaran kepada masyarakat bahawa institusi istana atau golongan kelas atasan tidak melupakan kehadiran golongan kelas bawahan yang tinggal jauh daripada budaya yang terdapat di istana. Walaupun terdapat jurang tertentu dalam golongan kelas atasan, namun golongan kelas bawahan tidak dinafikan kepentingan mereka untuk turut serta dalam majlis-majlis yang diadakan oleh golongan kelas atasan.

Perkara ini sebenarnya adalah menjadi tradisi dan amalan dalam masyarakat Melayu itu sendiri. Golongan masyarakat mengangkat institusi istana kerana menganggap bahawa istana yang didiami oleh raja merupakan tempat untuk mereka menunjukkan taat setia dan kesediaan menjunjung perintah. Segala keramaian yang diadakan di istana akan dihadiri oleh golongan kelas bawahan yang juga dianggap sebagai satu penghargaan kepada golongan biasa yang tidak mempunyai peluang untuk turut bersama dalam masyarakat kelas atasan. Kehadiran golongan bawahan ini memberikan satu tanda positif tentang keakraban dua golongan kelas yang berbeza ini dengan masing-masing tidak menafikan hak antara satu sama lain. Sebagai contoh, situasi ini dapat dilihat dalam *Hikayat Malim Deman*, bilamana setiap daripada diri masyarakat yang ada tidak ketinggalan dalam menyumbang tenaga biarpun keadaan diri mereka serba kekurangan ((Raja Haji Ahmad & Raja Haji Ali, dalam V. Matheson (pnyt.), 1982: 81).

Sifat bekerjasama dalam masyarakat yang ada ini dapat dilihat sebagai satu cara masyarakat dalam memaparkan kesediaan masyarakat bersatu demi menjayakan sesuatu perkara. Seperti yang dikisahkan dalam karya *Syair Putera Mahkota*, pengarang menggambarkan keistimewaan yang terjalin antara dua golongan tersebut apabila dianjurkan majlis keramaian oleh pihak istana. Kesediaan dan kesetiaan rakyat terhadap masyarakat kelas atasan tidak berbelah-bahagi ini dapat memaparkan kepada masyarakat tentang jurang yang ada tidak membatasi sebarang hubungan sosial dalam masyarakat yang ada kerana setiap masyarakat mempunyai peranan tertentu walaupun berada pada tahap yang paling rendah dalam hierarki sosial masyarakat. Jelaslah bahawa masyarakat Melayu tradisional di dalam karya *Syair Putera Mahkota* ini mengamalkan sifat dan nilai positif dalam kehidupan harian mereka.

## KESIMPULAN

Hierarki sosial dalam masyarakat Melayu tradisional memperlihatkan susun lapis yang unik dan sistematik. Susun lapis masyarakat Melayu yang terdiri daripada golongan atasan dan bawahan saling memaparkan kehidupan masyarakat yang saling memerlukan. *Syair Putera Mahkota* ini memperlihatkan keakraban golongan istana iaitu golongan atasan dan golongan bawahan. Dalam masyarakat yang mempunyai kelas yang berbeza, keakraban masyarakat terserlah melalui peranan setiap individu dalam masyarakat. Keakraban ini boleh dilihat melalui sikap keterbukaan golongan

kelas atasan dalam menerima masyarakat kelas bawahan semasa diadakan keraian di istana. Hal ini sekali gus memaparkan jurang yang ada antara kelas dalam sistem feodal ini tidak terbatas walaupun berbeza taraf dan pangkat. Keadaan ini seolah-olah menjadi ikatan antara dua golongan ini seperti peribahasa Melayu, *bagai aur dengan tebing* yang saling memerlukan antara satu sama lain.

Sebagai rujukan khusus yang ditumpukan kepada golongan istana, dipaparkan tentang susunan adat dan istiadat yang menjadi peraturan di dalam masyarakat, dan diterima tanpa sebarang bantahan. Setiap peraturan dijadikan sebagai batasan masyarakat dalam menjalankan kehidupan seharian. Hal ini dapat dilihat di dalam *Syair Putera Mahkota* yang memperlihatkan kepelbagaian peralatan dan aksesori mewah yang dimiliki oleh golongan istana seperti puteri-puteri raja. Kelebihan yang dimiliki oleh masyarakat di istana untuk menggunakan segala perhiasan ini tidak dibantahi oleh golongan bawahan seperti rakyat dan hamba kerana masyarakat telah menyedari bahawa segala kemewahan tersebut merupakan keistimewaan yang hanya dimiliki oleh kelas atasan, malah peraturan tersebut telah diguna pakai sejak zaman berzaman.

Pengarang, melalui kreativitinya telah menyampaikan pengajaran dan pendidikan kepada masyarakat berdasarkan perlakuan masyarakat seperti yang diperihalkan dalam karyanya. Masyarakat diajar dengan menggunakan perbandingan dan penceritaan yang mungkin memberikan kesan seperti rasa gerun dan takut sekiranya melakukan perkara yang sama seperti yang dilakukan oleh watak-watak di dalam karya. Contohnya, tentang kesan dan akibat yang diperoleh sekiranya anggota masyarakat (digambarkan menerusi watak antagonis dalam syair) melakukan kesalahan. Masyarakat diajar dengan menggunakan pendekatan seperti ini kerana pengarang juga merupakan individu yang hadir bersama di dalam masyarakat yang ada.

Melalui sosiologi sastera, gambaran tentang masyarakat Melayu silam diserlahkan dengan adanya kepelbagaian adat dan budaya. Pengarang tidak hanya menghasilkan karya hiburan semata-mata tetapi turut sama membawa mesej dan pengajaran yang diharap dapat menjadi panduan kepada masyarakat pendukungnya. Karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang akan menjadi cerminan masyarakat, khususnya yang berkait erat dengan sistem, adat istiadat, peraturan, undang-undang dan hukuman. Semua perkara ini disusun oleh pengarang dengan tepat kerana karya yang ada juga akan dijadikan sebagai panduan dalam realiti masyarakat.

Gambaran tindakan dan perilaku serta amalan masyarakat seperti yang diperihalkan dalam *Syair Putera Mahkota* ini bersesuaian dengan perbincangan mengenai sosiologi masyarakat yang ada. Hal ini dapat dilihat lewat gambaran ketuanan Melayu yang dipelihara oleh masyarakat sehingga kini, sifat masyarakat kelas atasan seperti institusi istana yang masih dipertahankan oleh masyarakat bawahan, kebenaran yang akan mengalahkan kebatilan dan masyarakat yang saling membantu antara satu sama lain. Hal ini juga menjelaskan bahawa perilaku masyarakat yang ada diwarisi dan diamalkan oleh masyarakat seterusnya, malah disesuaikan dengan perubahan zaman. Hubungan sastera dan masyarakat ini dapat dilihat sebagai satu kaedah pengarang mengetengahkan isu yang berlaku di dalam masyarakat untuk dibawa kepada satu tahap yang akan menyerlahkan masyarakat yang sedia ada untuk menjadi rujukan kepada masyarakat yang akan datang.

## RUJUKAN

MSS 4048, *Syair Putera Mahkota*.

A. Samad Ahmad (pnyt.). 1997. *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Omar. 1987. *Bahasa Malaysia saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haron Daud. 1989. *Sejarah Melayu: satu kajian daripada aspek pensejarahan budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kassim Ahmad. (Pnyt.). 1975. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Misran Rokimin dan Zubir Idris. 2102. Modal insan Melayu: Iktibar dari Persuratan. *Jurnal Melayu*. Bil.9:45

Mohd. Taib Osman. 1987. *Warisan puisi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Shukrey dan Kamariah Kamarudin.2018. Nilai Islam dalam komik majalah Dewan Pelajar. *Jurnal Melayu*. Bil.17 (1):60

Mustafa Haji Daud. 1993. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distrubutors Sdn Bhd.

Pawang Ana, Raja Haji Yahya. 1987. *Hikayat Malim Deman*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Rahimah Abdul Aziz. 2001. *Pengantar sosiologi pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Raja Haji Ahmad & Raja Haji Ali. 1982. *Tuhfat al-Nafis*. V. Matheson (p). Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Solehah Ishak. 2010. *Seni dan budaya Kelantan*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2006. Pemahaman dan penerapan sosiologi sastera dalam sastera Melayu moden. *Akademika* (Julai): 3-16

Zuraidah Abdullah, Zahir Ahmad dan Nuwairi Khaza'ai. 2012. Pantun dan ungkapan Melayu sebagai wahana kepemimpinan Melayu ke arah pembangunan modal insan. *Jurnal Melayu*. Bil.9:156

### **Biodata Penulis:**

#### **Safwan Razali**

Penulis merupakan Guru Bahasa Melayu di Maktab Rendah Sains MARA, Mukah, Sarawak. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Persuratan Melayu) dan Ijazah Sarjana Sastera (Kesusasteraan Melayu), Universiti Kebangsaan Malaysia.

#### **Zubir Idris**

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Program Persuratan Melayu, Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaran Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran ialah Kesusasteraan Melayu Tradisional dengan pengkhususan Kajian Manuskrip Melayu dan Historiografi Melayu Tradisional.